

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera Dan Salam Perpaduan,**

**Tuan/ Puan,**

Dengan hormatnya dikemukakan laporan media pada tarikh **12 November 2019 (Selasa)** untuk makluman warga PERPADUAN.

**BERITA / ARTIKEL :**

BIL	TARIKH	TAJUK BERITA	AKHBAR	M/S	KATEGORI
1	12 Nov 2019 (Selasa)	10 peratus KRT di Negeri Sembilan tidak aktif	Sinar Harian	32	Makluman

**2. SINOPSIS :**

**1. 12 November 2019 (Selasa), Berita Harian ms 32:**

Sebanyak 10 peratus daripada 379 kawasan Rukun Tetangga (KRT) di Negeri Sembilan dilaporkan tidak aktif sepanjang tempoh tahun ini. Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Negeri Sembilan, Salasiah Hashim berkata antara faktor tidak aktif adalah kekangan orang yang tidak mahu menggerakkan lagi Rukun Tetangga dikawasan mereka selain tidak mempunyai sukarelawan untuk melakukan kerja-kerja dalam KRT. Daripada jumlah itu KRT yang ada sebanyak 65 peratus aktif dan 25 peratus berada dalam kategori serdahana aktif.

## 10 peratus KRT di Negeri Sembilan tidak aktif

SEREMBAN - Sebanyak 10 peratus daripada 379 Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di Negeri Sembilan dilaporkan tidak aktif sepanjang tempoh tahun ini.

Pengarah Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional (JPNIN) Negeri Sembilan, Salasiah Hashim berkata, antara faktor utama persatuan tersebut tidak aktif adalah disebabkan kekangan orang yang tidak mahu menggerakkan lagi Rukun Tetangga di kawasan mereka selain tidak mempunyai sukarelawan untuk melakukan kerja-kerja dalam KRT.

"Ahli KRT biasanya terdiri daripada penduduk setempat yang melakukan kerja-kerja secara sukarela tanpa dibayar gaji. Jadi penglibatan mereka berjalan dengan rela hati, tanpa dipaksa tetapi kita ada menyediakan peruntukkan berbentuk geran yang disalurkan sepanjang tahun kepada KRT yang aktif melakukan program.

"KPI kita, satu KRT perlu melaksanakan sekurang-kurangnya 12 program setahun dalam usaha mewujudkan masyarakat yang sejahtera di samping memupuk semangat kejiiran dan perpaduan antara satu sama lain.



SALASIAH

"Bagaimanapun ada KRT yang tidak aktif langsung menyebabkan kita terpaksa meminta bantuan daripada pemimpin masyarakat seperti wakil rakyat untuk menggerakkan semula KRT di kawasan itu agar terus melaksanakan aktiviti bersama masyarakat," katanya kepada pemberita selepas Majlis Bual Mesra Bersama Media di JPNIN dekat Wisma Persekutuan dekat

sini semalam.

Menurutnya, daripada jumlah KRT yang ada sebanyak 65 peratus aktif dan 25 peratus berada dalam kategori sederhana aktif.

Dalam pada itu, Salasiah berkata, pihaknya berterima kasih kepada kerajaan Negeri Sembilan kerana menambah peruntukan kepada jabatannya melalui Belanjawan 2020 baru-baru ini.

Katanya, beliau telah dimaklumkan melalui surat bahawa peruntukan bagi tahun 2020 untuk JPNIN sudah diluluskan dan pihaknya kini sedang giat merancang beberapa program kejiiran yang akan memberi fokus bukan sahaja kepada entiti dalam Rukun Tetangga sahaja, sebaliknya lebih menjurus sehingga ke akar umbi.

## "Membudayakan Perpaduan, Meraikan Kepelbagaian"

MOHD FAISAL BIN SALEH

Bahagian Korporat

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

Jabatan Perdana Menteri